

37 atlet UTHM terpilih ke SUKMA

■ Skuad mendayung berjaya wakili Johor

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@mediaprima.com.my
Batu Pahat

Seramai 37 mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diberi penghormatan mewakili kontinjen negeri bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2013 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, bulan depan.

Paling membanggakan universiti kejuruteraan itu apabila pasukan mendayung bakal mewakili Johor terdiri daripada pasukan mendayung UTHM yang berjaya menempa pelbagai kejayaan sebelum ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM Shafry Salim berkata, daripada 37 mahasiswa yang terpilih mewakili Johor ke SUKMA,

seramai 31 terdiri daripada pasukan mendayung UTHM yang pernah memenangi kejohanan mendayung peringkat universiti dan terbuka.

Menurutnya, pasukan itu dilatih dua atlet UTHM yang pernah mewakili negara pada Sukan SEA 2011 iaitu Safuan Md Jani dan Mohd Zulfadli Rozali yang kini melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana UTHM.

“Selain pasukan mendayung mewakili Johor, atlet sukan lain akan mewakili Negeri Sembilan dan Melaka iaitu bagi pasukan bola jaring dan futsal wanita, manakala beberapa atlet lain mewakili pasukan silat.

“Pembabitan mahasiswa UTHM dalam SUKMA akan membantu kerajaan mencapai sasaran sekurang-ku-

“Pembabitan mahasiswa UTHM dalam SUKMA akan membantu kerajaan mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus atlet negara lahir daripada pusat pengajian tinggi”

Shafry Salim

rangnya 30 peratus atlet negara lahir daripada pusat pengajian tinggi,” katanya.

Menurutnya, UTHM berharap pencapaian cemerlang ditunjukkan pasukan mendayung, bola baling dan silat akan menaikkan nama



UTHM selaku hub pembangunan sukan baru di selatan tanah air.

Katanya, ini kerana UTHM sebelum ini mendapat kerjasama pengurusan tertinggi universiti, persatuan sukan dan pggiat sukan untuk melahirkan atlet berprestasi tinggi.